

27 AUG 1999

Mahathir-Pemuda

NEGARA TERHUTANG BUDI KEPADA PEMUDA UMNO, KATA DR MAHATHIR

JOHOR BAHRU, 27 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memuji semangat Pemuda Umno yang tidak pernah luntur sejak penubuhannya 50 tahun lepas dan negara berhutang budi kepada pergerakan itu.

"Walaupun usia sudah meningkat 50 tahun lebih tetapi Pemuda masih bersemangat Pemuda," kata Perdana Menteri ketika berucap melancarkan Gerak Kerja Pilihan Raya Pemuda Bermotor dan Gerak Gempur Pemuda Umno Johor di Senai, dekat sini, hari ini.

Dr Mahathir, yang tiba di sini hari ini untuk memulakan lawatan dua hari ke Johor, berkata semangat yang ditunjukkan oleh Pemuda Umno jelas kelihatan dengan pelancaran majlis hari ini.

"Saya berharap kita akan menghembuskan api semangat ini sepanjang masa kerana perjuangan kita tidak tamat dengan hanya memenangi pilihan raya. Banyak lagi yang perlu dibuat oleh kita apabila Pemuda menjadi dewasa dan mengambil alih geng-geng yang ada sekarang ini," katanya disambut tepukan gemuruh kira-kira 10,000 orang yang hadir.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata Pemuda Umno sudah menjadi penggerak kepada parti sebelum negara mencapai kemerdekaan sehinggalah sekarang dan ia memberi semangat terhadap perjuangan Umno dan dirinya.

"Kita sedang bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya. Ini adalah sesuatu yang kita adakan lima tahun sekali dan hasil daripada semangat yang ada pada Umno dan Pemuda, kita telah mencapai kejayaan yang cemerlang sejak sembilan kali diadakan pilihan raya," kata beliau.

Dr Mahathir melahirkan keyakinan bahawa pada pilihan raya umum kali ini Barisan Nasional (BN) akan mencapai kecermerlangan seperti dahulu hasil daripada semangat jitu yang ada pada Pemuda Umno.

"Kita belum tahu bila pilihan raya hendak diadakan. Lambat laun kita tetap akan adakan pilihan raya tetapi saya yakin semangat Pemuda terutamanya semangat Pemuda di Johor tidak akan luntur walaupun kita terpaksa menunggu masa yang panjang.

"Kalau kita adakan pilihan raya (pada hari) esok juga, saya yakin keputusannya sama jugalah," katanya, dengan disambut dengan laungan "umumkan tarikh pilihan raya" daripada hadirin.

Dr Mahathir berkata walaupun beliau diberi jaminan bahawa BN akan memenangi kesemua kawasan yang akan dipertandingkan di Johor, beliau tidak boleh tidur dengan lena tetapi perlu memikirkan tentang masalah-masalah parti.

Pada pilihan raya umum 1995, BN memenangi kesemua 20 kerusi Parlimen dan 40 kerusi Dewan Undangan Negeri di Johor.

Dr Mahathir berkata beliau yakin pergerakan Pemuda Umno di seluruh negara akan bersiap sedia sama seperti di Johor untuk menentukan perjuangan parti dapat diteruskan supaya negara menjadi maju dan setanding dengan negara-negara lain.

Menurutnya, negara sudah mencapai banyak kejayaan sejak merdeka tetapi banyak lagi yang perlu dilakukan dan kerajaan ingin menentukan bahawa segala usaha untuk membangunkan negara akan berjaya.

"Baru-baru ini kita dapat mengatasi masalah kegawatan ekonomi dengan tidak bergantung kepada mana-mana pihak. Hari ini dunia mengakui akan kebolehan Malaysia mengatasi segala masalahnya.

"Pada masa akan datang sudah tentu banyak lagi cabaran dan usaha untuk menggagalkan kita tetapi dengan semangat kental yang ada, negara akan dapat mengatasi segala cabaran dan halangan walaupun ia datang dari kuasa-kuasa

besar di dunia," katanya.

Mengenai pelancaran program gerak kerja pilihan raya dan pemuda bermotor, Perdana Menteri percaya bahawa mereka yang terlibat akan menjalankan tugas dengan penuh kesedaran terhadap bangsa dan negara.

Yang turut hadir ialah Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman, Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Pemangku Ketua Pemuda Umno Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

-- BERNAMA

MKO MAI